

# PM tidak pernah

**KUM 2 AUG 2001**  
**K**UALA LUMPUR 1 Ogos — Laporan kononnya Setiausaha Negara Amerika Syarikat (AS), Collin Powell meletakkan tiga syarat pertemuan antara Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Presiden George W. Bush tidak timbul kerana rancu-

ngan untuk pertemuan itu tidak wujud.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Dr. Mahathir tidak berhasrat mengadakan pertemuan dengan Presiden AS itu.

“Perdana Menteri memang tidak

berhasrat berbuat demikian pada masa ini,” katanya kepada pemberita di lobi Parlimen hari ini.

Beliau diminta mengulas laporan *Far Eastern Economic Review* bahawa kononnya Powell mengenakan tiga syarat termasuk mendesak kerajaan membebaskan semua tahanan Akta

---

# minta jumpa Bush

Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan memberi layanan 'lebih adil' kepada pembangkang sebagai syarat untuk merealisasikan pertemuan antara Dr. Mahathir dan Bush.

Semalam, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar yang mengulas perkara itu berkata, hubungan dua

hala antara AS dan Malaysia adalah berlandaskan kepada kepentingan bersama dan bukannya bergantung kepada faktor lain.

Abdullah berkata, parti pembangkang di negara ini mendapat layanan yang adil sehinggakan mereka mampu menubuhkan dua kerajaan negeri.

“Mereka (pihak luar) buat komen macam tak tahu apa yang sedang berlaku di negara ini.

“Bagaimanapun, saya yakin dakwaan seperti itu hanya ditimbulkan oleh golongan tertentu di negara berkenaan yang cuba mencari salah orang lain,” katanya.